

Usaha bantu Keluarga Malaysia diteruskan

BA - 14/12/2021 m/s: 4

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam mengulangi jaminan usaha membantu seluruh Keluarga Malaysia akan diteruskan di samping memastikan kemampunan kedudukan kewangan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, agenda pemulihan mampan akan diselaras dengan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dengan semua usaha itu bertumpu kepada pembangunan teknologi tinggi, inovasi dan kemampunan dalam sektor berpotensi pertumbuhan tinggi.

“Semua itu dirangka bagi memangkin ekonomi inklusif dan berdaya saing untuk manfaat Keluarga Malaysia,” katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC), semalam.

Beliau berkata, FPC berpan-

dangan semakan semula defisit bagi 2021 iaitu 6.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akan dapat dicapai dan berdasarkan prospek pemulihan ekonomi lebih baik bagi tahun hadapan serta langkah Bajet 2022, defisit fiskal disasarkan berkurang kepada 6 peratus daripada KDNK.

Beliau menjelaskan, Kementerian Kewangan akan terus memantau prestasi dan perkembangan berkenaan dan dalam jangka sederhana, kerajaan kekal komited terhadap sasaran defisit seperti yang digariskan di bawah RMK-12, iaitu 3.5 peratus berbanding KDNK pada 2025.

“Ke arah ini, jawatankuasa telah meneliti beberapa cadangan yang akan menambah baik kedudukan kewangan negara dan kemampunan fiskal setelah ekonomi kembali ke trajektori pertumbuhan sebelum pandemik



*Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri*

“Semua itu dirangka bagi memangkin ekonomi inklusif dan berdaya saing untuk manfaat Keluarga Malaysia”

COVID19 melanda negara,” katanya.

Ismail Sabri berkata, inisiatif pembaharuan institusi terutama pelaksanaan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA), Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) dan Kajian Perbelanjaan Awam (PER) adalah langkah dasar utama dalam menyokong usaha berkenaan.

Pada mesyuarat semalam, FPC antara lain membincangkan agenda merangkumi bebe-

rapa perkara berkaitan kedudukan semasa ekonomi dan kewangan Kerajaan Persekutuan, termasuk prestasi terkini kewangan.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan prestasi dicapai sehingga akhir November lalu, kutipan hasil mencatatkan peningkatan sebanyak 8.9 peratus kepada RM210.4 bilion, manakala jumlah perbelanjaan meningkat 4.9 peratus kepada RM307.6 bilion.